

ANALISIS BAB AQIDAH DALAM KITAB *SULLAM AL-MUBTADI* DAN PERANANNYA DALAM MENDEPANI CABARAN AQIDAH KONTEMPORARI

Wan Noor Athifah binti Wan Shaari

Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Innovative University College (IUC)

E-mel: athifahshaari91@gmail.com

Omar Muhammad Kalash

Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Innovative University College (IUC)

E-mel: dromarkalash@innovative.edu.my

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat dan media digital pada masa kini telah memberikan cabaran baharu terhadap pemeliharaan aqidah umat Islam melalui penyebaran fahaman yang bercanggah dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, kekeliruan maklumat agama serta pemikiran yang menyimpang daripada ajaran Islam. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis kandungan Bab Aqidah dalam kitab *Sullam al-Mubtadi* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani berdasarkan manhaj aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah serta menjelaskan peranannya dalam mendepani cabaran aqidah kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan secara kepustakaan terhadap teks Bab Aqidah yang merangkumi perbahasan *Ilāhiyyāt*, *Nubuwwāt*, *Sam'iyāt* dan *Riddah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Bab Aqidah dalam *Sullam al-Mubtadi* menghuraikan prinsip-prinsip aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah secara sistematik melalui pendekatan yang menggabungkan pembinaan asas keimanan dan pemeliharaan aqidah daripada penyelewengan. Kajian turut mendapati bahawa perbahasan dalam bab ini berperanan sebagai panduan dalam menilai pelbagai bentuk cabaran aqidah semasa serta membantu memperkukuh kefahaman dan keyakinan umat Islam terhadap pegangan yang sahih. Kesimpulannya, Bab Aqidah dalam *Sullam al-Mubtadi* kekal relevan sebagai khazanah ilmu yang menyumbang kepada pendidikan aqidah dan usaha mempertahankan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam menghadapi cabaran pemikiran semasa.

Kata-kata kunci: Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, Aqidah, Cabaran Aqidah Kontemporari, *Sullam al-Mubtadi*, Syeikh Daud al-Fatani

ABSTRACT

The development of information technology and digital media today has presented new challenges to the preservation of Islamic faith through the dissemination of ideas that contradict the beliefs of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, religious misinformation, and thoughts that deviate from Islamic teachings. Therefore, this study aims to analyse the content of the Chapter on Creed (*Bab Aqidah*) in the book *Sullam al-Mubtadi* by Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani based on the methodology of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, as well as to explain its role in addressing contemporary challenges to Islamic creed. This study employs a qualitative approach through library-based content analysis of the text of the Chapter on Creed, which encompasses discussions on *Ilāhiyyāt*, *Nubuwwāt*, *Sam'iyyāt*, and apostasy (*riddah*). The findings indicate that the Chapter on Creed in *Sullam al-Mubtadi* systematically explains the principles of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah creed through an approach that integrates the formation of fundamental beliefs and the preservation of creed from deviations. The study also finds that the discussions in this chapter serve as a guide in evaluating various contemporary challenges to Islamic creed, while strengthening Muslims' understanding and conviction towards authentic beliefs. In conclusion, the Chapter on Creed in *Sullam al-Mubtadi* remains relevant as a valuable intellectual heritage that contributes to Islamic creed education and efforts to preserve the beliefs of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah in facing contemporary intellectual challenges.

Keywords: Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, Contemporary Islamic Creed Challenges, Islamic Creed, *Sullam al-Mubtadi*, Shaykh Daud al-Fatani

ملخص البحث

أدّى تطوّر تكنولوجيا المعلومات ووسائل الإعلام الرقمية في الوقت الحاضر إلى ظهور تحديات جديدة في المحافظة على عقيدة المسلمين، وذلك من خلال انتشار الأفكار المخالفة لعقيدة أهل السنة والجماعة، وانتشار المعلومات الدينية المضللة، وكذلك التوجهات الفكرية المنحرفة عن تعاليم الإسلام. ومن هذا المنطلق، تهدف هذه الدراسة إلى تحليل مضمون باب العقيدة في كتاب سُلّم المبتدي للشيخ داود بن عبد الله الفطاني وفق منهج أهل السنة والجماعة، وبيان دوره في مواجهة التحديات العقدية المعاصرة. واعتمدت هذه الدراسة على المنهج الكيفي من خلال تحليل المحتوى اعتمادًا على الدراسة المكتبية لنص باب العقيدة، الذي يشتمل على مباحث الإلهيات، والنبوت، والسمعيات، والردة. وتُظهر نتائج الدراسة أن باب العقيدة في كتاب سُلّم المبتدي يشرح مبادئ عقيدة أهل السنة والجماعة بصورة منهجية من خلال منهج يجمع بين بناء أصول الإيمان والمحافظة على العقيدة من الانحرافات. كما توصلت الدراسة إلى أن مباحث هذا الباب تؤدي دورًا في تقييم مختلف أشكال التحديات العقدية المعاصرة، فضلًا عن تعزيز فهم المسلمين

ويقينهم بالعقيدة الصحيحة. وخلاصة القول، فإن باب العقيدة في كتاب سُلَّم المبتدي لا يزال يحتفظ بأهميته بوصفه تراثاً علمياً قيماً يسهم في تعليم العقيدة والمحافظة على عقيدة أهل السنة والجماعة في مواجهة التحديات الفكرية المعاصرة.

الكلمات المفتاحية: أهل السنة والجماعة، التحديات العقدية المعاصرة، سُلَّم المبتدي، الشيخ داود بن عبد الله الفطاني، العقيدة

PENGENALAN

Tradisi penulisan kitab Jawi merupakan antara medium utama yang menyumbang kepada perkembangan dan pemeliharaan tradisi keilmuan Islam di Alam Melayu. Melalui karya-karya tersebut, para ulama Nusantara telah menyebarkan ajaran Islam yang berteraskan aqidah, fiqh dan tasawuf kepada masyarakat awam dalam bahasa yang mudah difahami. Tradisi ini bukan sahaja menjadi wahana penyebaran ilmu farḍu ‘ain, bahkan turut berperanan mempertahankan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah (ASWJ) daripada pelbagai bentuk penyelewengan aqidah. Antara tokoh yang memberikan sumbangan besar dalam tradisi tersebut ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (1769–1847M), seorang ulama Melayu prolific yang menghasilkan puluhan karya dalam pelbagai bidang keilmuan Islam sehingga sebahagian besarnya masih dijadikan rujukan di institusi pondok dan masjid di Nusantara (Jajat Burhanudin, 2022).

Antara karya beliau yang terus mendapat perhatian ialah *Sullam al-Mubtadi fi Ma‘rifah Tariqah al-Muhtadi*, sebuah kitab yang disusun khusus bagi memenuhi keperluan asas ilmu farḍu ‘ain masyarakat awam. Keistimewaan kitab ini terletak pada susunan kandungannya yang sistematik, dimulakan dengan perbincangan aqidah sebelum diikuti perbincangan fiqh dan tasawuf. Struktur ini mencerminkan keutamaan pembinaan aqidah sebagai landasan utuh bagi pelaksanaan syariat dan proses penyucian jiwa (Saiful Anuar Ismail, 2022). Melalui pendekatan ini, Syeikh Daud menegaskan bahawa pemantapan tauhid merupakan prasyarat utama dalam pembentukan jati diri seorang Muslim yang sempurna sebelum mendepani aspek ibadah dan akhlak.

Walaupun *Sullam al-Mubtadi* telah dikaji daripada pelbagai sudut, sorotan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan aspek sejarah penulisan, biografi pengarang, *taḥqiq* naskhah serta perbincangan fiqh dan pemikiran sosial seperti *gharar*, *mu‘āmalat* dan *al-laqit*. Sebaliknya, penelitian yang memberikan tumpuan khusus terhadap Bab Aqidah dalam kitab ini masih terhad, terutamanya dalam menilai kandungannya sebagai instrumen bagi mendepani cabaran aqidah kontemporari. Kelompangan ini menunjukkan perlunya penyelidikan lanjut bagi memahami sumbangan sebenar bab tersebut sebagai mekanisme pertahanan iman.

Keperluan terhadap kajian ini menjadi semakin mendesak apabila umat Islam kini berhadapan pelbagai cabaran aqidah kontemporari yang mencabar pegangan ASWJ. Fenomena penyebaran dan penulisan ajaran sesat yang diwartakan serta pengaruh aliran yang menyimpang daripada tradisi ASWJ memerlukan satu neraca turath yang kukuh sebagai rujukan. Kepantasan teknologi digital turut mempercepatkan penyebaran wacana keagamaan tanpa sempadan yang berisiko mengelirukan masyarakat awam akibat ketiadaan disiplin ilmu yang mu'tabar (Anita, 2025). Dalam konteks ini, analisis terhadap karya turath yang berautoriti seperti *Sullam al-Mubtadi* menjadi sangat kritikal sebagai solusi intelektual bagi memperkukuh dan memelihara kesucian aqidah umat Islam.

Sehubungan itu, kajian ini bermatlamat untuk membedah kandungan Bab Aqidah dalam *Sullam al-Mubtadi* karya Syeikh Daud al-Fatani berpaksikan manhaj ASWJ dan menjustifikasikan peranannya dalam mendepani cabaran aqidah kontemporari. Analisis ini akan memfokuskan kepada empat perbahasan utama iaitu *Ilāhiyyāt*, *Nubuwwāt*, *Sam'iyāt* dan perbahasan mengenai riddah. Melalui kerangka tersebut, kajian ini seterusnya mensintesisakan bagaimana hujah-hujah yang diketengahkan oleh pengarang mampu bertindak sebagai mekanisme pertahanan terhadap pelbagai krisis aqidah semasa yang mempunyai kaitan secara langsung dengan asas keimanan. Perlu dipertegas bahawa ruang lingkup kajian ini tidak bersifat menyeluruh terhadap keseluruhan isu aqidah moden, sebaliknya diberikan tumpuan khusus kepada perbahasan yang bersangkutan dengan prinsip asas aqidah yang telah digariskan secara utuh oleh Syeikh Daud.

KAJIAN LITERATUR

Sorotan literatur mendedahkan bahawa wacana ilmiah mengenai *Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadi* serta pemikiran Syeikh Daud al-Fatani telah menarik perhatian meluas para sarjana daripada pelbagai dimensi, khususnya melibatkan historiografi karya, pemikiran fiqh, serta sumbangan besar beliau dalam perkembangan intelektual Islam di Alam Melayu. Saiful Anuar Ismail (2022) menjelaskan bahawa *Sullam al-Mubtadi* merupakan sebuah karya yang disusun khusus bagi memenuhi keperluan ilmu farḍu 'ain masyarakat awam dengan menghimpunkan tiga asas utama agama, iaitu aqidah, fiqh dan tasawuf secara sistematik. Susunan kandungan yang dimulakan dengan perbahasan aqidah memperlihatkan kedudukan ilmu tauhid sebagai asas utama sebelum seseorang Muslim memahami tuntutan syariat dan pembinaan akhlak. Daripada perspektif penelitian teks, Rormuelee Lengsueni (2010) melalui kajian *taḥqiq* dan analisis kandungan terhadap *Sullam al-Mubtadi* pula mendapati bahawa kitab ini merupakan karya yang komprehensif dalam bidang fiqh kerana menghimpunkan perbahasan berkaitan ibadah, *mu'āmalat*, *munākaḥāt* dan jenayah. Namun penelitian tersebut lebih cenderung memberikan tumpuan kepada aspek fiqh berbanding asas aqidah yang menjadi landasan awal penyusunannya.

Di samping itu, keluasan pemikiran Syeikh Daud turut diterokai dalam pelbagai disiplin keilmuan yang lebih spesifik. Sebagai contoh, Mohd Faisal Mohamed et al. (2017, 2019) menganalisis perbahasan ekonomi Islam daripada perspektif *Maqāṣid al-Sharī'ah* serta konsep *gharar*, yang membuktikan bahawa pemikiran beliau amat menekankan prinsip keadilan dalam transaksi. Signifikansi pemikiran beliau juga dikaitkan dengan isu sosial semasa melalui kajian Saiful Anuar Ismail et al. (2024) mengenai perbahasan *al-laqit*. Walaupun kajian-kajian ini berjaya mendedahkan keluasan intelektual Syeikh Daud, sebahagian besar tumpuan masih terarah kepada kerangka fiqh dan muamalat.

Meninjau dimensi pemikiran aqidah, Abdull Rahman Mahmood & Wan Haslan Khairuddin (2019) telah menganalisis metodologi Syeikh Daud al-Fatani dalam memperincikan permasalahan Sifat Dua Puluh. Hasil penelitian mendedahkan bahawa huraian beliau mengenai sifat-sifat Allāh merupakan manifestasi kesinambungan tradisi keilmuan Imām al-Sanūsī, terutamanya dalam aspek pembahagian sifat, kewujudan Allāh serta kesempurnaan sifat-sifat-Nya. Signifikansi sumbangan Syeikh Daud turut diperkukuhkan oleh Abdull Rahman Mahmood (2022) yang menghuraikan sumbangan Syeikh Daud dalam pemantapan aqidah ASWJ di Nusantara dan menjelaskan bahawa usaha penulisan karya-karya aqidah beliau merupakan salah satu bentuk tanggungjawab dalam memperkukuhkan pegangan umat Islam terhadap prinsip aqidah yang sahīh.

Berdasarkan tinjauan komprehensif tersebut, dapat dirumuskan bahawa kajian terdahulu telah memberikan sumbangan fundamental dalam memetakan kedudukan Syeikh Daud al-Fatani dalam sejarah Islam. Walau bagaimanapun, penelitian khusus terhadap Bab Aqidah dalam *Sullam al-Muhtadi* sebagai mekanisme pertahanan aqidah kontemporari masih berada dalam tahap yang terhad. Keperluan untuk mengisi kelompangan ini menjadi semakin mendesak bagi menyediakan neraca turath yang kukuh dalam mendepani kecelaruan maklumat dan ideologi menyimpang di ruang digital masa kini. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis peranan Bab Aqidah tersebut sebagai solusi intelektual yang dinamik.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini mengguna pakai pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen bagi meneliti secara mendalam kandungan aqidah dalam teks turath. Sumber primer kajian ialah Bab Aqidah dalam naskhah *Sullam al-Muhtadi fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadi* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Pemilihan teks ini bersifat strategik, memandangkan kedudukannya sebagai antara karya ilmu farḍu 'ain yang paling berpengaruh dalam tradisi pengajian Islam di Alam Melayu. Bagi menjamin autoriti dan keabsahan analisis, sumber sekunder turut diintegrasikan yang meliputi

karya-karya aqidah mu'tabar, artikel jurnal, dokumen fatwa, serta laporan rasmi yang berkaitan dengan pemikiran Syeikh Daud dan cabaran aqidah kontemporari.

Proses pemerolehan data dilaksanakan melalui teknik dokumentasi dengan pembacaan secara berfokus terhadap Bab Aqidah bagi mengenal pasti naratif utama yang diketengahkan oleh pengarang. Berdasarkan penelitian teks tersebut, analisis kajian disusun secara sistematik merangkumi empat perbahasan utama iaitu *Ilāhiyyāt*, *Nubuwwāt*, *Sam'īyyāt*, serta aspek pemeliharaan iman (*riddah*).

Seterusnya, setiap huraian yang dikenal pasti dianalisis secara mendalam melalui kaedah rujukan silang (*cross-referencing*) dengan membandingkan kandungan Bab Aqidah dalam Sullam al-Mubtadi terhadap teks-teks ASWJ mengikut tradisi al-Asyā'irah dan al-Māturidiyyah. Perbandingan ini bertujuan untuk menentusahkan keselarasan manhaj Syeikh Daud al-Fatani dengan prinsip-prinsip aqidah ulama ASWJ yang mu'tabar, yang mana seluruh kerangkanya dibina teguh bersumberkan Al-Qur'an, ḥadith yang sahīḥ, serta *ijma'* para ulama ASWJ.

Sebagai rumusan, kajian ini menerapkan analisis deskriptif-tematik untuk mengekstrak prinsip-prinsip utama dalam setiap dimensi perbahasan. Melalui integrasi sumber *mu'tabar* ASWJ, kajian ini menilai sejauh mana kerangka yang dibawa oleh Syeikh Daud dapat diadaptasikan sebagai mekanisme pertahanan aqidah kontemporari yang utuh dalam mendepani keclaruan ideologi di era digital.

DAPATAN KAJIAN

Asas Aqidah melalui Perbahasan *Ilāhiyyāt*

Analisis terhadap kandungan Sullam al-Mubtadi menunjukkan bahawa Syeikh Daud al-Fatani memulakan penghuraian bab aqidah melalui makna syahadah pertama yang menjadi kewajipan ke atas setiap mukallaf untuk mengetahui, meyakini dan mengucapkannya. Dalam memperincikan makna syahadah pertama, beliau membina asas aqidah dengan menghuraikan nama-nama Allāh Ta'āla dan sifat-sifat kesempurnaan yang layak bagi-Nya, seperti mana kata beliau:

“...bahawasanya tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benar pada wujud (yang mawjud) ini melainkan Allāh, Tuhan yang Esa lagi tunggal di dalam keEsaan-Nya, lagi qadīm, tiada permulaan-Nya, lagi yang hidup dengan ḥayat-Nya, lagi yang mendirikan tujuh petala langit dan bumi, lagi bāqī yang kekal selama-lamanya, dan yang menjadikan segala kāināt, yang memberi rezeki akan segala makhlukāt ini, lagi ‘ālim dengan ‘ilmu-Nya yang meliputi bagi segala yang maujudāt dan ma’dūmāt, lagi qādir dengan qudrat-Nya atas barang yang dikehendaki-Nya, lagi muṇīd dengan iṭṭad-Nya, barang yang

dikehendaki-Nya ada ia dan barang yang tiada dikehendaki-Nya tiada dapat ada ia, Sami' dengan sama'-Nya, Baṣir dengan baṣar-Nya, dilihat-Nya lagi didengar-Nya sekalian yang maujudat, Mutakallim dengan kalam-Nya yang Qadim..."

Pendekatan tersebut selaras dengan intipati kandungan karya Imām al-Sanūsī (w.895H) yang masyhur iaitu *Matn al-'Aqīdah al-Sanūsiyyah* yang turut menjadikan penghuraian sifat-sifat Allāh Ta'āla sebagai asas perbahasan aqidah yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf.

Selain menghuraikan sifat-sifat kesempurnaan Allāh Ta'āla, hasil penelitian mendedahkan bahawa Syekh Daud menegaskan prinsip ketuhanan dengan menjelaskan bahawa Allāh Ta'āla ialah pencipta sekalian alam. Penegasan ini bertepatan dengan firman Allāh Ta'āla:

﴿وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ﴾

Matlumnya: *Allāh yang menciptakan kamu dan perbuatan kamu. (as-Saffāt:96)*

Ayat ini merupakan dalil bahawa Allāh Ta'āla ialah pencipta segala sesuatu termasuklah perbuatan-perbuatan hamba, sama ada baik atau buruk. Analisis seterusnya menzahirkan bahawa Syekh Daud turut menekankan prinsip *tanẓīh*, iaitu menyucikan Allāh daripada segala persamaan dengan makhluk pada zat, sifat dan perbuatan-Nya. Beliau menyatakan bahawa:

"...dan tiap-tiap barang yang terlintas pada hati seseorang dan tiap-tiap yang dapat difikir atau yang dapat dirupakan pada hatinya, maka Tuhan kita itu menyalahi daripada yang demikian itu, maka tiada Ia Allāh Subhanahu wa Ta'āla itu menyamai dengan sesuatu dan tiada dapat diumpamakan dengan sesuatu..."

Beliau turut menegaskan:

"Dan Maha Suci daripada dapat dibandingkan Dzat-Nya dengan segala dzat dan tiada menyerupai sifat-Nya dengan segala sifat dan tiada dibandingkan af'al-Nya dengan segala af'al hawadith."

Penegasan ini berselari dengan firman Allāh Ta'āla:

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ﴾

Matlumnya: *"Allāh tidak sama dengan sesuatu pun." (asy-Syūrā:11)*

Penelitian lanjut terhadap teks mendapati bahawa perbahasan aqidah dalam *Sullam al-Mubtadi* juga terkandung penafian tempat dan masa bagi Allāh Ta'āla. Hal ini dizahirkan oleh Syekh Daud melalui kenyataannya:

"...dan tiada ada-Nya itu dilalu atas-Nya zaman (masa) dan tiada meliputi pada makan (tempat)..."

Pendirian ini seiring dengan *ijmā'* ASWJ yang dinukilkan oleh Imām al-Baghdādī (w.429 H) dalam *Al-Farq Bayna al-Firaq*:

وأجمعوا . أي أهل السنة والجماعة . على أنه . أي الله . لا يحويه مكان ولا يجري عليه زمان

Maksudnya: "Dan mereka – iaitu *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* bersepakat bahawa Dia – iaitu *Allāh* – tidak diliputi oleh tempat dan tidak dilalui ke atas-Nya masa."

Penegasan yang sama turut ditemukan dalam karya Imām Zayn al-‘Ābidīn ‘Alī ibn al-Ḥusayn (w. 94 H), iaitu *al-Ṣaḥīfah al-Sajjādiyyah*, seperti yang dinukilkan oleh al-Ḥāfiẓ Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdī dalam kitab beliau *Ithāf al-Sādah al-Muttaqīn*:

أَنْتَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَحْوِيكَ مَكَانٌ

Maksudnya: "Engkaulah *Allāh* yang tidak diliputi oleh suatu tempat pun."

Analisis membuktikan bahawa perbahasan ini sejajar dengan metodologi aqidah dalam karya-karya aqidah mu‘tabar yang lain seperti *al-Fiqh al-Absaṭ* oleh Imām Abū Ḥanīfah (w.150 H), *al-‘Aqīdah al-Ṭahāwīyyah* oleh Imām al-Ṭahāwī (w.321 H) yang turut menegaskan bahawa *Allāh* tidak diliputi oleh enam arah. Analisis turut mendapati pegangan ini juga disebut dalam *Qawā‘id al-‘Aqā‘id* oleh Imām al-Ghazālī yang menegaskan bahawa *Allāh* Maha Suci daripada diliputi oleh tempat. Meskipun Syeikh Daud menyampaikan prinsip ini secara ringkas (*matn*), ia merupakan kesinambungan tradisi yang telah mantap daripada ulama mu‘tabar yang disokong oleh dalil yang kuat.

Berdasarkan keseluruhan analisis, kajian merumuskan bahawa asas aqidah dalam *Sullam al-Mubtadi* dibina melalui dua prinsip utama iaitu *ithbat*, penetapan sifat-sifat kesempurnaan bagi *Allāh* Ta‘āla serta *tanzih* iaitu menyucikan *Allāh* Ta‘āla daripada segala persamaan dengan makhluk. Keseluruhan rujukan tersebut menunjukkan bahawa penafian tempat bagi *Allāh* Ta‘āla bukanlah suatu pandangan yang bersifat terpencil, bahkan merupakan prinsip aqidah yang dihuraikan secara konsisten oleh ulama ASWJ sejak generasi salaf sehingga *muta‘akhirīn*. Justeru, penghuraian Syeikh Daud dalam *Sullam al-Mubtadi* memperlihatkan kesinambungan yang jelas terhadap tradisi keilmuan tersebut.

Asas Aqidah melalui Perbahasan *Nubuwwāt* dan *Sam‘iyyāt*

Dapatan seterusnya mendedahkan bahawa selepas penghuraian asas aqidah melalui makna syahadah pertama, Syeikh Daud al-Fatani memantapkan lagi perbahasan dengan memperincikan makna syahadah kedua. Beliau menegaskan bahawa setiap mukallaf wajib mengetahui, meyakini, membenarkan dan memperakui bahawa Muḥammad bin ‘Abdullah ialah hamba Allāh dan Rasul-Nya yang diutuskan kepada seluruh manusia dan jin. Susunan ini memperlihatkan bahawa pembinaan aqidah menurut Syeikh Daud dibina secara kukuh, iaitu keimanan kepada Allāh Ta’āla diikuti dengan keimanan kepada Rasul-Nya. Hal ini menunjukkan bahawa pengiktirafan terhadap kerasulan Nabi Muḥammad merupakan asas yang tidak dapat dipisahkan daripada kesahihan iman. Pendekatan ini selari dengan firman Allāh Ta’āla:

﴿قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ﴾

Ma’humnya: “*Katakanlah, taatilah kalian akan Allāh dan Rasul-Nya (dengan beriman dengan kedua-duanya), jika kamu berpaling maka sesungguhnya Allāh tidak meredai orang-orang kafir.*” (Ali ‘Imran: 32)

Hasil penelitian menzahirkan bahawa perbahasan tersebut juga konsisten dengan ijmā’ ASWJ yang dinukilkan oleh Imām al-Baghdādī (w.429 H) bahawa ASWJ bersepakat mengimani kenabian dan kerasulan serta membenarkan para rasul yang diutuskan oleh Allāh kepada hamba-hamba-Nya.

Analisis seterusnya menzahirkan penekanan Syeikh Daud tentang sifat benar para Nabi dalam menyampaikan syari’at, di mana setiap intipati ajaran yang dibawa oleh baginda wajib dibenarkan secara mutlak. Sehubungan dengan itu, berselari dengan tuntutan untuk memperakui kerasulan Nabi Muḥammad, menjadi kewajipan juga atas setiap mukallaf menerima segala perintah yang disampaikan serta menjauhi setiap larangan yang ditegah oleh baginda. Penghuraian ini selaras dengan firman Allāh Ta’āla:

﴿وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ﴾

Ma’humnya: “*Dia (Muḥammad) tidak pernah berbicara atau menyampaikan (Al-Quran dan syariat) berdasarkan hawa nafsunya. Segala yang diucapkan dan disampaikannya tidak lain hanyalah wahyu daripada Allāh.*” (an-Najm:3-4)

Penegasan tersebut memperlihatkan bahawa pembinaan aqidah menurut Syeikh Daud bukan hanya tertumpu kepada pengakuan terhadap kerasulan Nabi Muḥammad, bahkan merangkumi kewajipan meyakini bahawa semua perkara yang dikhabarkan oleh baginda adalah benar dan baginda amanah dalam menyampaikan hukum kepada umat baginda. Oleh itu, keimanan kepada Rasūl Allāh mestilah disertai dengan pembenaran terhadap segala perkara yang dikhabarkan oleh baginda,

termasuklah tentang para Nabi dan Rasul, para malaikat, kitab-kitab yang turun dari langit, hari akhirat dan qada' dan qadar. Perbahasan ini bertepatan dengan sabdaan Nabi Muhammad ﷺ 'alayhi wa sallam melalui *hadith* yang diriwayatkan oleh Imām Muslim (w.261 H). Baginda mengkhabarkan bahawa Iman ialah:

أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

Mathumnya: “Kamu beriman dengan Allāh, para Malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, Rasūl-Rasūl-Nya, hari akhirat dan kamu beriman dengan taqdir sama ada perkara yang ditaqdirkan itu baik atau yang buruk.”

Dalam menyatakan tentang qada' dan qadar, analisis turut mendapati bahawa Syeikh Daud menyatakan dengan jelas bahawa segala perkara yang berlaku sama ada baik mahupun buruk, semuanya berlaku dengan taqdir Allāh Ta'āla. Sehubungan dengan itu, setiap mukallaf diwajibkan untuk sentiasa redā terhadap segala taqdir-Nya serta dilarang keras daripada melakukan sebarang bentuk bantahan atau pengingkaran terhadap taqdir-Nya. Prinsip asas ini dirumuskan secara padat melalui pernyataan beliau di dalam naskhah tersebut:

“Dan wajib kita percaya akan qada' dan qadar, baiknya dan jahatnya daripada Allāh Ta'āla”

Pernyataan ini sangat bertepatan dengan firman Allāh Ta'āla:

﴿وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ۖ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ۗ﴾

Mathumnya: “Allāh Ta'āla bersumpah bahawa Dia yang mencipta pada jiwa kefasikannya dan ketaqwaannya.” (asy-Syams:7-8)

Penelitian lanjut terhadap teks tersebut mendedahkan bahawa Syeikh Daud menghuraikan secara sistematik pelbagai perkara *sam'iyāt* yang wajib diimani oleh setiap mukallaf yang merangkumi azab dan nikmat kubur, soalan malaikat Munkar dan Nakir, *al-Ba'th* (kebangkitan), *al-Hashr* (perhimpunan), *al-Hisāb* (perhitungan), *al-Mīzān* (timbangan), *al-Ṣirāt* (jambatan), *al-Hawḍ* (kolam), syurga dan neraka. Di samping itu, Syeikh Daud memberikan penegasan khusus mengenai kewajipan meyakini bahawa golongan mukmin akan melihat Allāh Ta'āla di akhirat kelak. Penghuraian ini menepati *ijmā'* Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sebagaimana yang dinukilkan oleh Imām al-Baghdādī (w.429 H) dalam *al-Farq Bayna al-Firq*. Keselarasan tersebut memperlihatkan bahawa wacana aqidah yang dibawa oleh Syeikh Daud merupakan kesinambungan tulen kepada tradisi ASWJ yang telah mantap dan berakar umbi sejak zaman dahulu.

Sebagai penutup wacana, Syeikh Daud menghuraikan kedudukan Nabi Muhammad sebagai *khātam al-Anbiyā'*, iaitu penutup sekalian Nabi dan menjelaskan bahawa baginda dikurniakan *al-Shafā'ah al-Kubrā* pada hari kiamat kelak. Penegasan ini berselari dengan *ijmā'* ulama yang dinukilkan oleh Imam al-Baghdadi (w. 429 H) bahawa Nabi Muhammad merupakan nabi yang terakhir dan baginda akan memberi *shafā'ah* kepada sebahagian orang yang berdosa dalam kalangan umat Islam.

Natijahnya, kupasan *Nubuwwāt* dalam *Sullam al-Mubtadi* mencerminkan keselarasan yang utuh antara pemikiran Syeikh Daud dengan manhaj aqidah ASWJ iaitu keimanan kepada Allāh Ta'āla mestilah disertai dengan keimanan kepada Rasūl Allāh dan membenaran terhadap seluruh perkhabaran yang disampaikan oleh baginda.

Pemeliharaan Aqidah melalui Perbahasan *Riddah*

Penelitian terhadap kandungan *Sullam al-Mubtadi* memperlihatkan kesinambungan yang kemas di mana setelah menghuraikan asas *Ilāhiyyāt* dan *Nubuwwāt*, Syeikh Daud beralih kepada perincian mengenai *riddah* sebagai instrumen pemeliharaan aqidah. Susunan tersebut mengisyaratkan bahawa pendidikan aqidah dalam manhaj beliau tidak terhenti pada pembentukan kepercayaan semata-mata, tetapi turut mencakupi aspek praktikal dalam mendepani ancaman yang boleh merosakkan iman. Hal ini ditegaskan oleh beliau melalui petikan berikut:

"Ini suatu fasal dan wajib atas tiap-tiap muslim ia memelihara Islamnya dan dibaik peliharanya daripada barang yang membinasakan dia dan daripada yang membatalkan dia dan yang memutuskan dia iaitu [riddah yang menjadikan orang] murtad."

Dapatan kajian seterusnya mendedahkan bahawa Syeikh Daud mengaitkan kepentingan penguasaan ilmu aqidah secara langsung dengan dinamika realiti masyarakat. Beliau berhujah bahawa peningkatan gejala murtad sering kali berakar umbi daripada sikap bermudah-mudah dalam tutur kata serta kejahilan terhadap hukum-hakam agama impak daripada pengabaian tuntutan ilmu farḍu 'ain. Hal ini membuktikan bahawa perbahasan pemeliharaan aqidah dalam *Sullam al-Mubtadi* bukan sekadar wacana teoritikal, malah berfungsi sebagai mekanisme praktikal yang kritikal bagi membentengi seorang Muslim daripada terjerumus ke dalam lembah kekufuran. Pendekatan ini ternyata selari dengan amaran Nabi Muhammad ṣallallāhu 'alayhi wa sallam melalui *hadith ḥasan* yang diriwayatkan oleh Imām al-Tirmizi (w. 279 H):

إِنَّ الرَّجُلَ لِيَتَكَلَّمَ بِالْكَلِمَةِ لَا يَرَىٰ بِهَا بَأْسًا يَهْوِي بِهَا سَبْعِينَ خَرِيفًا فِي النَّارِ

Mathumnya: “*Sesungguhnya seseorang hamba itu mengucapkan satu kalimat yang tidak dianggap membawa mudarat, padahal disebabkan perkataan tersebut, dia dihumbankan ke dalam api neraka yang jaraknya 70 tahun perjalanan.*”

Hasil analisis teks mendedahkan bahawa Syeikh Daud mengklasifikasikan punca-punca riddah kepada tiga pembahagian utama iaitu melalui keyakinan, perkataan, dan perbuatan. Pembahagian ini bukanlah hasil pandangan peribadi beliau semata-mata, tetapi diketengahkan mengikut huraian dan tafsiran daripada para fuqaha’ daripada empat mazhab *mu’tabar*. Antaranya termasuklah Imām al-Nawawī (w. 676 H) daripada mazhab Shāfi‘ī, Imām Ibn ‘Ābidīn (w. 1252 H) daripada mazhab Ḥanafī, Syeikh Muḥammad ‘Illaysh (w. 1299 H) daripada mazhab Mālikī, serta Imām al-Buhūtī (w. 1051 H) daripada mazhab Ḥanbalī. Keselarasan ini membuktikan bahawa pemikiran Syeikh Daud berdiri teguh di atas kesepakatan ‘ulama mu’tabar.

Pembahagian pertama yang diperincikan ialah riddah melalui *i’tiqād* (keyakinan). Hasil penelitian mendedahkan bahawa bentuk kekufuran ini mencakupi perkara-perkara asas keimanan seperti timbulnya keraguan (syak) terhadap kewujudan Allāh, mengingkari sifat-sifat yang wajib bagi-Nya, mahupun menisbahkan sifat-sifat yang mustahil pada hak-Nya. Selain itu, ia turut merangkumi pengingkaran terhadap perkara yang telah *thābit* secara *ijmā’* serta penafian terhadap kedudukan kenabian mahupun mengharuskan kewujudan nabi selepas Nabi Muḥammad ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam. Penjelasan ini ternyata bertepatan dengan firman Allāh Ta’āla:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا﴾

Mathumnya: “*Sesungguhnya orang mukmin ialah yang beriman dengan Allāh dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak ragu-ragu lagi.*” (*al-Ḥujūrāt:15*)

Pembahagian kedua yang diperincikan ialah *riddah* melalui perbuatan. Hasil penelitian mendedahkan bahawa Syeikh Daud menggariskan beberapa tindakan yang membawa kepada kekufuran seperti sujud kepada berhala atau menghina kesucian al-Qurān dengan melemparnya ke tempat yang kotor atau melakukan perlakuan yang menzahirkan penghinaan terhadap syi’ār Islam. Secara tuntas, perbahasan mengenai perbuatan yang membawa kepada *riddah* ini berfungsi sebagai mekanisme pencegahan bagi memastikan umat Islam sentiasa berwaspada terhadap tindakan mereka, terutamanya dalam mendepani realiti semasa yang penuh dengan cabaran pemikiran dan ideologi. Hal ini ternyata bertepatan dengan firman Allāh Ta’āla:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ﴾

Mathumnya: *“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan. Hendaklah kamu sujud kepada Allāh yang menciptakannya jika benar kamu hanya menyembah-Nya.” (Fuṣṣilat:37)*

Pembahagian ketiga yang diperincikan ialah *riddah* melalui perkataan. Hasil analisis mendedahkan bahawa Syeikh Daud memperincikan pelbagai contoh ucapan yang berupaya merosakkan keimanan seseorang. Antaranya ialah ucapan yang mencaci atau mempersendakan Allāh Ta’āla, para Nabi, para malaikat, kitab-kitab-Nya, *syi’ar-syi’ar* Islam, hukum-hakam agama serta janji baik-Nya dan ancaman-Nya. Beliau turut memberikan amaran keras terhadap penyalahgunaan ayat-ayat al-Quran bagi tujuan mempersendakan, di samping memasukkan contoh kritikal seperti ucapan yang menunjukkan pengingkaran terhadap qada’ dan qadar. Selain itu, analisis juga mendapati bahawa seseorang tidak boleh mengkafirkan Muslim yang lain tanpa hak seperti mana yang disebut oleh Syeikh Daud apabila beliau memberikan contoh kekufuran melalui perkataan:

“Dan bahagi yang ketiga, iaitu perkataan yang menjadikan murtad iaitu amat banyak. Setengah daripadanya bahawa berkata ia bagi Muslim, “Ya Kafir” atau “Ya Yahudi” atau “Ya Nasrani” atau “Hai yang tiada mempunyai agama” serta dikehendak bahawa ia kufur akan dia.”

Huraian ini mengukuhkan lagi hujah bahawa pemeliharaan aqidah secara praktikal turut menuntut disiplin penjagaan lisan daripada sebarang ucapan yang boleh merosakkan kesucian iman. Pendekatan ini ternyata selari dengan firman Allāh Ta’āla:

﴿يَخْلِفُونَ بِاللَّهِ مَا قَالُوا وَلَقَدْ قَالُوا كَلِمَةَ الْكُفْرِ وَكَفَرُوا بَعْدَ إِسْلَامِهِمْ﴾

Mathumnya: *“Mereka bersumpah dengan nama Allāh, bahawa mereka tidak mengatakan (kata-kata itu), padahal sesungguhnya mereka telah mengucapkan perkataan kufur dan mereka telah kufur setelah Islam mereka.” (at-Taubah:74)*

Menuju penghujung wacana, analisis mendedahkan ketersediaan panduan praktikal bagi individu yang terjerumus ke dalam kekufuran, di mana mereka diwajibkan untuk segera kembali kepada Islam melalui pengucapan dua kalimah syahadah serta meninggalkan sepenuhnya sebab yang membawa kepada kekufuran tersebut. Penjelasan ini menggambarkan bahawa Syeikh Daud bukan sekadar menggariskan perkara-perkara yang membatalkan iman, malah menyediakan jalan pemulihan bagi mengembalikan seseorang yang jatuh murtad kepada agama Islam.

Tuntasnya, hasil keseluruhan penyelidikan merumuskan bahawa Syeikh Daud al-Fatani tidak sekadar menghuraikan perkara-perkara yang membatalkan Iman, sebaliknya beliau berjaya membina sebuah kerangka pemeliharaan aqidah yang utuh. Kerangka ini disusun secara sistematik bermula dengan identifikasi bentuk kekufuran dan diakhiri dengan metodologi pemulihan iman melalui syahadah. Hujah ini membuktikan bahawa wacana dalam *Sullam al-Mubtadi* berfungsi sebagai mekanisme pencegahan dan pemulihan yang dinamik demi menjamin pemeliharaan pegangan umat Islam daripada sebarang ancaman penyelewengan.

PERBINCANGAN

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa kekuatan utama bab aqidah dalam *Sullam al-Mubtadi* terletak pada pembentukan suatu manhaj aqidah ASWJ yang tersusun dan saling melengkapi. Analisis mendapati bahawa Syeikh Daud al-Fatani menyusun perbahasan *Ilāhiyyāt*, *Nubuwwāt*, *Sam'īyyāt* dan *Riddah* sebagai suatu pendekatan yang bermula dengan pembinaan asas keimanan kepada Allāh Ta'āla, diikuti keimanan kepada Rasūl Allāh dan perkara-perkara yang dikhabarkan oleh baginda daripada wahyu dan akhirnya dilengkapi dengan panduan dalam mengenal pasti dan memelihara aqidah daripada kerosakan. Susunan ini memperlihatkan bahawa cabaran terhadap prinsip aqidah ASWJ bukanlah perkara baharu, bahkan telah muncul sejak sekian lama dalam pelbagai bentuk pemikiran dan terus berkembang dalam konteks semasa. Oleh itu, kekuatan *Sullam al-Mubtadi* bukan terletak pada perbincangan terhadap isu-isu kontemporari secara langsung, sebaliknya pada pembinaan asas aqidah ASWJ yang membolehkan umat Islam menilai dan menghadapi pelbagai bentuk penyelewengan aqidah yang muncul pada zaman ini. Hal ini selaras dengan pandangan Anhar Opir (n.d.) bahawa aqidah ASWJ berfungsi sebagai neraca dalam membezakan antara pegangan yang sahih dengan fahaman yang menyimpang daripada prinsip-prinsip agama.

Salah satu cabaran utama yang ditangani melalui kerangka ini ialah ideologi Wahabiyyah yang cenderung kepada literalisme tekstual yang melampau. Aliran ini telah pun difatwakan bercanggah dengan pegangan ASWJ oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2015) dan Johor (2017) kerana dikenal pasti memahami sebahagian nas secara literal serta menolak autoriti *ijmā'*, *qiyās* dan mazhab (Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2015; Jabatan Mufti Johor, 2017; Mohd Sobri Elias et al., 2025). Analisis menunjukkan bahawa pemahaman literal terhadap nas mutashābihāt tanpa disiplin ilmu yang betul berisiko membawa kepada jenayah *tajsim* (menjisimkan Allāh) dan *tashbih* (menyamakan Allāh dengan makhluk). Dengan itu, *Sullam al-Mubtadi* berperanan untuk menjadi benteng kepada umat Islam melalui prinsip *tanzīh*, iaitu menyucikan Allāh daripada sebarang persamaan dengan makhluk serta penafian tempat dan masa bagi zat-Nya. Metodologi ini memastikan kefahaman terhadap nas sentiasa selaras dengan manhaj ASWJ dan sekali gus menolak kerosakan aqidah akibat pemahaman secara literal (Muhamad Alihanafiah Norasid et al., 2024).

Seterusnya, fahaman Mu'tazilah yang merupakan salah satu pecahan utama di bawah kelompok Qadariyyah dikesan menyesatkan kerana mereka mengutamakan akal sehingga menjadikannya pemutus mutlak yang mengatasi nas wahyu. Mereka membawa prinsip keadilan yang menyeleweng dengan mendakwa bahawa Allāh Ta'āla membiarkan manusia menciptakan perbuatan mereka sendiri dan secara tuntas mereka menolak taqdir kerana dianggap bercanggah dengan keadilan Allāh (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Dalam perbahasan Ilāhiyyāt di dalam naskhah ini, Syeikh Daud mematahkan doktrin tersebut dengan menegaskan bahawa Allāh Ta'āla ialah pencipta segala sesuatu, termasuklah perbuatan-perbuatan hamba sama ada baik atau buruk dan wajib beriman dengan Qada' dan Qadar.

Di samping itu, antara penyelewengan golongan Mu'tazilah ialah tindakan mereka mengingkari bahawa orang Islam boleh melihat Allāh Ta'āla di akhirat, walaupun perkara tersebut telah *thābit* mengikut ijma' ulama ASWJ. Perincian yang terkandung dalam Sullam al-Mubtadi secara berkesan menolak dakwaan mereka melalui penegasan khusus mengenai kewajipan meyakini bahawa golongan mukmin akan melihat Allāh Ta'āla di akhirat kelak. Ancaman golongan ini kekal relevan untuk diwaspadai melalui pengaruh Neo-Mu'tazilah di Malaysia yang cenderung meragui hadith-hadith sahih tentang perkara ghaib seperti azab kubur, turunnya Nabi 'Isā, kemunculan Imām al-Mahdī dan peristiwa *al-Burāq* (Mohd Amirul Hassan Ahmad Tajuddin, 2025). Melalui perbahasan *Sam'iyāt*, kitab ini bertindak sebagai benteng yang mengukuhkan keyakinan terhadap segala perkhabaran yang disampaikan oleh Rasūl Allāh dan pendekatan dalam kitab ini memperlihatkan keseimbangan metodologi ASWJ, iaitu meletakkan akal pada kedudukan yang sewajarnya. Pendekatan ini menunjukkan bahawa akal tidak diketepikan sepenuhnya, sebaliknya digunakan dalam kerangka yang berselari dengan syari'at.

Selain itu, perbahasan tentang kewajipan beriman dengan Qada' dan Qadar turut mendasari penilaian terhadap penyelewengan Hizb al-Tahrīr yang membawa fahaman Qadariyyah yang menafikan Qada' dan Qadar atas dakwaan ia merupakan bentuk paksaan terhadap usaha manusia. Implikasinya, ideologi kumpulan tersebut telah diwartakan sebagai sesat di negeri Selangor dan sekali gus membuktikan kepentingan kerangka perbahasan aqidah yang utuh dalam memelihara keselamatan aqidah umat Islam daripada pemikiran yang mengelirukan. Selain itu, Hizb al-Tahrīr juga dikritik hebat kerana cenderung mengamalkan doktrin takfir secara melampau terhadap pemerintah dan ulama Islam yang tidak sehaluan dengan mereka (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2015; Majlis Agama Islam Selangor, 2021). Melalui perbahasan *Riddah*, Syeikh Daud membina prinsip *wasatīyyah* yang memberikan amaran keras terhadap tindakan menghukum kafir tanpa hak, sekali gus memelihara keselamatan aqidah masyarakat daripada pemikiran yang memecahbelahkan.

Pendekatan ini juga menyediakan manhaj yang kukuh untuk menolak fahaman Syi'ah yang melakukan tindakan melampau dengan mengkafirkan para sahabat Rasūl Allāh. Golongan ini dikenal pasti sebagai ancaman nyata kepada perpaduan ummah, keutuhan agama dan keamanan negara kerana penyelewengan mereka bukan hanya melibatkan aqidah sahaja, tetapi meliputi sudut syariat dan beberapa penyelewengan lain yang bersifat umum. Antara kesesatan kritikal golongan pelampau ini ialah sebahagian daripada mereka mendakwa roh Tuhan masuk ke dalam diri Sayyidina 'Aliy. Dakwaan ini bercanggah dengan pegangan ASWJ yang menekankan prinsip *tanzīh* iaitu menyucikan Allāh Ta'āla daripada sebarang persamaan dengan makhluk pada zat, sifat dan perbuatan-Nya. Sehubungan dengan itu, *Sullam al-Mubtadi* berperanan mengajarkan masyarakat Aqidah Islam dan seterusnya menjadi benteng yang ampuh dalam mendepani golongan ini. Keseriusan ancaman ini menyebabkan Jabatan Mufti Negeri Selangor mengeluarkan fatwa pada 24 September 1998 yang mewartakan bahawa fahaman Syi'ah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan ASWJ. (Majlis Agama Islam Selangor, 2020).

Peranan *Sullam al-Mubtadi* sebagai perisai aqidah turut terserlah dalam mendepani Gerakan Ahmadiyah atau Qadiani yang dipelopori oleh Mirza Ghulam Ahmad, yang bukan sahaja mendakwa dirinya sebagai *al-Masih* dan Imam Mahdi, malah secara batil mengaku sebagai nabi. Ancaman ini turut dikesan dalam konteks tempatan melalui ajaran Abdul Kahar bin Ahmad. Beliau secara terang-terangan mendakwa dirinya sebagai "Rasul Melayu" terakhir dan mendakwa menerima wahyu daripada Allāh di Bukit Kemensah, Selangor. Dalam mendepani penyelewengan sedemikian, prinsip *khātam al-Anbiyā'* yang ditekankan oleh Syeikh Daud menjadi hujah yang kukuh untuk menegaskan kedudukan Nabi Muhammad sebagai utusan terakhir. Ketegasan prinsip ini selaras dengan keputusan Majlis Raja-Raja dan Majlis Fatwa Kebangsaan yang mewartakan ajaran Qadiani sebagai sesat (Azharudin Mohamed Dali, 2010). Begitu juga pada tahun 1991, Majlis Fatwa Negeri Selangor telah mewartakan ajaran Abdul Kahar bin Ahmad sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.

Akhir sekali, perbahasan aqidah dalam naskhah ini berfungsi sebagai perisai intelektual yang ampuh dalam mendepani ajaran Nazim al-Qubrusi yang mendakwa membawa Tarekat *Naqsyabandiyyah Haqqani*, namun telah difatwakan sesat dan diharamkan secara rasmi melalui Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan. Antara penyelewengan mereka ialah doktrin *hulul* melalui dakwaan bahawa Allāh berada di mana-mana dalam makhluk-Nya, termasuk pada batu dan pokok. Mereka juga membawa fahaman *Wahdatul Wujud* yang mendakwa bahawa manusia bersatu dengan Allāh. Dakwaan ini dikritik hebat kerana bercanggah dengan pegangan ASWJ (Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman et al., 2019). Fahaman ini secara jelas menyimpang daripada prinsip *tanzīh* yang menyucikan Allāh daripada mempunyai persamaan dengan makhluk.

Secara keseluruhannya, perbahasan dalam bab aqidah kitab *Sullam al-Mubtadi* berperanan membentuk asas keimanan terhadap Allāh Ta'āla, Rasūl Allāh serta keyakinan terhadap perkara-perkara yang dikhabarkan oleh baginda. Kesepaduan perbahasan *Ilāhiyyāt*, *Nubuwwāt*, *Sam'iyāt* dan *Riddah* menunjukkan bahawa kitab ini bukan sekadar menghimpunkan prinsip asas aqidah, bahkan menyediakan panduan dalam mengenal pasti serta memelihara aqidah daripada pelbagai bentuk penyelewengan. Secara tuntasnya, Bab Aqidah dalam *Sullam al-Mubtadi* bukan sekadar teks pengajian tradisional yang statik, tetapi merupakan sebuah modul pemulihan dan pencegahan aqidah yang dinamik. Ia membentuk kerangka pemikiran yang membolehkan umat Islam mempertahankan pegangan ASWJ daripada pelbagai bentuk penyelewengan pemikiran semasa.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, analisis terhadap bab aqidah dalam naskhah *Sullam al-Mubtadi* secara tuntas membuktikan bahawa karya turath ulama Melayu bukan sekadar berfungsi sebagai teks pengajian asas, malah merupakan wahana fundamental bagi pembentukan kefahaman serta pemeliharaan integriti aqidah umat Islam. Manhaj yang diketengahkan oleh Syeikh Daud al-Fatani memperlihatkan satu pendekatan yang sistematik dalam membimbing masyarakat memahami asas aqidah sekali gus bertindak sebagai neraca penilaian terhadap pelbagai fahaman yang menyimpang daripada prinsip ASWJ. Walaupun manifestasi penyelewengan aqidah sentiasa berevolusi mengikut peredaran zaman, namun akar cabarannya tetap berpaksikan kepada penyimpangan terhadap prinsip *Ilāhiyyāt*, *Nubuwwāt*, dan *Sam'iyāt*. Oleh itu, *Sullam al-Mubtadi* bukan sekadar menghimpunkan pegangan aqidah ASWJ, sebaliknya berjaya membina sebuah kerangka pemikiran yang utuh yang berfungsi sebagai panduan dinamik dalam memperkukuh dan mempertahankan kesucian iman daripada pelbagai ancaman ideologi di era kontemporari.

Oleh yang demikian, kajian ini sangat mencadangkan agar pihak-pihak berautoriti seperti majlis agama Islam negeri dan institusi pendidikan menghidupkan semula pengajaran kitab ini di surau, masjid, serta sekolah-sekolah bagi memelihara kedaulatan ilmu Islam dan mewariskan khazanah Jawi yang sangat berharga kepada generasi masa kini serta akan datang. Langkah ini adalah perlu bagi memastikan masyarakat Islam mempunyai perisai intelektual yang ampuh dalam mendepani evolusi cabaran aqidah kontemporari melalui penguasaan ilmu agama daripada naskhah turath yang sahih dan berautoriti.

RUJUKAN

Abdull Rahman Mahmood. (2022). Sumbangan Syeikh Daud dalam pemantapan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah di Nusantara. *Jurnal Al-Anwar*, 11(2), 13–30.

- Abdull Rahman Mahmood, & Wan Haslan Khairuddin. (2019). Pendekatan Syeikh Daud al-Fatani dalam menganalisis permasalahan sifat dua puluh. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 41(1), 99–108. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2019-4001-12>
- Abū Ḥanīfah, al-Nu‘mān b. Thābit. (n.d.). *Al-Fiḥ al-Absaṭ*. In Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (Ed.), *Majmū‘ Rasā’il Abī Ḥanīfah*.
- al-Baghdādī, Abū Manṣūr ‘Abd al-Qāhir b. Ṭāhir. (1997). *Al-Farq bayna al-Firaq*. Dār al-Ma‘rifah.
- al-Baghdādī, Abū Manṣūr ‘Abd al-Qāhir b. Ṭāhir. (2017). *Al-Farq bayna al-Firaq wa Bayān al-Firqa al-Nājiyyah Minhum* (Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht, Ed.). Maktabat Ibn Sīnā.
- al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (M. Zuhayr ibn Nāṣir al-Nāṣir, Ed.). Dār Ṭawq al-Najāh.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad. (2004). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Dār al-Fikr.
- al-Hararī, ‘Abdullāh. (2012). *As-Sirāṭ al-Mustaqīm* (13th ed.). Sharikat Dār al-Masāri‘.
- al-Hararī, ‘Abdullāh. (2016). *Umdah al-Rāghib fī Mukhtaṣar Bughyat al-Ṭālib* (6th ed.). Dār al-Mashārī‘.
- al-Sanūsī, ‘Abd al-Laṭīf Muḥammad b. Yūsuf. (2010). *Al-Fawā’id al-Islāmiyyah ‘alā al-‘Aqīdah al-Sanūsiyyah* (Jamīl Muḥammad ‘Alī Ḥalīm, Ed.). Dār al-Mashārī‘.
- al-Tirmizī, Muḥammad ibn ‘Īsā. (1996). *Al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmizī)* (Bashshār ‘Awwād Ma‘rūf, Ed.). Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Ṭahāwī, Abū Ja‘far Aḥmad b. Muḥammad. (2001). *Al-‘Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*. In ‘Abd al-Ghanī al-Ghanīmī, *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*. Dār al-Fikr.
- al-Zabīdī, Muḥammad Murtaḍā. (2002). *Iḥāf al-Sādah al-Muttaqīn* (Vol. 1). Dār al-Fikr.
- Anhar bin Opir. (2018). *Analisis fātwa berkaitan fahaman dan pemikiran agama* [Conference paper]. Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Mufti Negeri Selangor.

- Anita. (2025). Ta'lim ilmu fardhu 'ain terhadap mad'u di era digital. *Sadida: Islamic Communications and Media Studies*, 5(1), 83–91. <https://comms.ar-raniry.ac.id/sadida/article/view/252>
- Assolahiyah Global Sdn. Bhd. (2015). *Permata yang bersinar menerangkan aqidah Islam yang sebenar: Aqidah Ahlis-Sunnah wal-Jama'ah yang dihimpun daripada kitab-kitab para ulama' Arab dan Melayu*. Assolahiyah Global Sdn. Bhd.
- Azharudin Mohamed Dali. (2010). Gerakan Ahmadiyah (Qadiani) di Malaysia: Satu sorotan sejarah. *Journal of Al-Tamaddun*, 5(1), 33–55.
- Dewan Negeri Selangor. (2016, November 2). *Pertanyaan mulut: Ajaran agama sesat di Selangor*. Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2016. <https://dewan.selangor.gov.my/question/ajaran-agama-sesat-di-selangor/>
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. (2015). *Aliran dan dakyah Wahhabiah*. Himpunan Fatwa Mufti Negeri Sembilan. <https://muftins.gov.my/fatwa/aliran-dan-dakyah-wahhabiah/>
- Jabatan Mufti Negeri Johor. (2017). *Fatwa fahaman Wahhabi*. Sistem Al-Irsyad JMJ. https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=197
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. (2015). *Fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir*. *Warta Kerajaan Negeri Selangor* (No. 25). <https://www.muftiselangor.gov.my/wp-content/uploads/2025/07/Buletin-At-Taqwa-25.pdf>
- Majlis Agama Islam Selangor. (2020, Mei). *Artikel khas 5.2020: Jauhi kesesatan ajaran Syiah*. <https://mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/07/Artikel-Khas-5.2020-Jauhi-Kesesatan-Ajaran-Syiah.pdf>
- Majlis Agama Islam Selangor. (2021). *Hizbut Tahrir* (Artikel Khas Bil. 1). <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2021/02/Artikel-Khas-Bil.1.2021-Hizbut-Tahrir-1.pdf>
- Mohamad Fikri Mohd Bakri, Mohd Roslan Mohd Nor, & Muḥammad Khalis Ibrahim. (2025). Fahaman Melampau menurut Sheikh Ahmad al-Fatani berdasarkan kitab *Hadiqatul Azhar War Rayahin*. *Journal Al-Muqaddimah*, 13(1), 1–17.

- Mohd Amirul Hassan bin Ahmad Tajuddin. (2025). Analisis metodologi pemikiran Neo-Mu'tazilah di Malaysia terhadap al-Quran dan hadis Nabawi. *Journal of Hadith Studies*, 10(1), 93–108. <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/360>
- Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Mohd Haidhar Kamarzaman, & Kamarudin Salleh. (2019). Dakwah Syeikh Nazim al-Qubrusi: Antara penerimaan dan penolakan. *Al-Hikmah*, 11(1), 41–59.
- Mohd Faisal Mohamed, & Mualimin Mochammad Sahid. (2019). Syeikh Daud al-Fatani's economic thought regarding the concept of *gharar* in the book of *Fiqh Jawi (Sullam al-Mubtadi)*: Focusing on *akad mu'āwadah*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(1), 25–31.
- Mohd Faisal Mohamed, Mualimin Mochammad Sahid, & Mohamad Zaharuddin Zakaria. (2017). Rukun-rukun *al-Bay'* dan *al-Ijārah* dalam kitab *Sullam al-Mubtadi* karangan Syeikh Daud al-Fatani: Analisis dari perspektif *Maqāṣid al-Syarī'ah*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6, 181–190. <https://doi.org/10.12816/0051374>
- Mohd. Sobri Ellias, Nur Afifi Alit, Nurulwahidah Fauzi, & Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman. (2025). The Malay scholars' rejection of Wahhabi ideology: A critical analysis. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 10(40), 408–424. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.1040030>
- Muhaamad Hafis Nawawi. (2026, January 1). 154 ajaran difatwakan sesat sejak 1950. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/01/1306077/154-ajaran-difatwakan-sesat-sejak-1950>
- Muhamad Alihanafiah Norasid, Mohd Sobri Ellias, & Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman. (2024). Implikasi faham literal dan penolakan konsep *majāz* terhadap *nuṣūṣ mutashābihāt*: Analisis menurut perspektif al-Ashā'irah. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*, 16(2), 83–111.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). *Manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam akidah*. https://www.muftiwp.gov.my/images/pdf/penerbitan/ebook/manhajakidahswj/Manhaj_Ahli_Sunnah_Wal_Jamaah_Dalam_Akidah.pdf
- Rormuelee Lengsueni. (2010). *Kitab Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadi* karangan Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Tahqiq dan analisis. Universiti Malaya.

Saiful Anuar Ismail. (2022). Sejarah dan spesifikasi kitab turath Jawi *Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariqah al-Muhtadi* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5(1), 42–50.

Saiful Anuar Ismail, Muḥammad Hilmi Jalil, Imangaliyev, A. T., & Dukenbaeva, Z. O. (2024). Exploring the Islamic concept of *al-Laḳit* (abandoned children without document/foundling) according to Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani in the manuscript of *Sullam al-Mubtadi*. *International Journal of Religion*, 5(11), 616–625.